

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	TELITI SYOR WUJUD OPERATOR BERPUSAT JAMIN BEKALAN AIR LEBIH LESTARI, ADIL
	SUMBER	BH (9 SEPTEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	12 (RENCANA)

12

Rencana

Isnin, 9 September 2024 BH

Teliti syor wujud operator berpusat jamin bekalan air lebih lestari, adil

- Cadangan menubuhkan Perbadanan Air Nasional Berhad (PANB) sebagai syarikat utiliti air berpusat bermatlamat meningkatkan kecekapan, konsistensi dan keberkesanan pengurusan perkhidmatan air

- Peralihan operasi perkhidmatan air berpusat ini mungkin ditentang kerajaan negeri, selain operator berprestasi tinggi tidak bersetuju perubahan ini kerana bimbang kehilangan pendapatan dan autonomi



Oleh Dr Muhammad Nazrul Abd Rani
bhrencana@bh.com.my

Perkhidmatan bekalan air di Malaysia sering menjadi perbincangan hangat masyarakat terutama apabila menyentuh isu seperti kualiti air, ketidaksenangan perkhidmatan antara negeri dan keperluan untuk memastikan akses adil air bersih kepada rakyat.

Pada masa ini, perkhidmatan air diuruskan secara desentralisasi yang mana setiap kerajaan negeri bertanggungjawab terhadap operator air masing-masing. Walaupun model ini memberikan kebebasan dan autonomi kepada operator air, ia juga membawa kepada pelbagai cabaran mungkin memerlukan pendekatan lebih bersepadu dan berpusat.

Pada awal tahun lalu, kerajaan mengumumkan penjenamaan semula Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam (KPTDGA) kepada

eri tertentu mengalami kekurangan air atau ketika menghadapi musim kemarau.

Menerusi sistem berpusat, pengalihan sumber air dari kawasan mempunyai kelebihan kepada kawasan memerlukan dapat dilakukan mengurangkan risiko konflik dan memastikan semua kawasan mempunyai akses air lebih stabil.

Walaupun sistem pelesenan semasa di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) melakukannya usaha dalam mengawasi dan memastikan pematuhan kepada standard dan peraturan, model berpusat ini menawarkan pendekatan lebih menyeluruh serta bersepadu.

SPAN mengatur dan mengawasi, tetapi setiap negeri dan operator masih mempunyai autonomi ketara boleh menyebabkan tidak konsisten pelaksanaan dan pengurusan perkhidmatan air.

Dalam model berpusat, PANB akan mengambil alih pengurusan langsung membolehkan keputusan dibuat dengan lebih pantas dan responsif terhadap sebarang isu yang timbul.

operasi harian tetap dikendalikan di peringkat tempatan, tetapi di bawah pengawasan dan pengurusan PANB.

Cadangan mewujudkan PANB turut menawarkan manfaat kepada operator air. Melalui SLA, operator air boleh terus mengurus operasi harian tetapi dengan sokongan kewangan dan sumber daya dari PANB.

Ini bermakna operator di kawasan kurang membangun akan mempunyai sumber lebih baik untuk meningkatkan perkhidmatan mereka tanpa perlu risau kestabilan kewangan.

Mekanisme perkongsian pendapatan diperkenalkan akan memastikan operator berprestasi tinggi tidak akan mengalami kerugian hasil akan diberi insentif mengekalkan dan meningkatkan prestasi mereka. Maka, keberagutan terdapat bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan dapat dikurangkan.

Bagaimanapun, peralihan kepada model berpusat ini tetap mempunyai cabaran. Setengah kerajaan negeri mungkin berat hati melepaskan hak milik ke

Tenaga dan Daya Guna Awam (KPTDGA) kepada Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA).

Perubahan ini bukan sekadar perubahan pada nama ia petanda kerajaan sedang berusaha untuk melakukan transformasi industri perkhidmatan air negara secara menyeluruh. Ini langkah penting dalam memastikan pengurusan air di Malaysia menjadi lebih cekap, mampan dan adil kepada rakyat.

Isu semasa dalam industri perkhidmatan air di Malaysia termasuk masalah pencemaran dari sumber tidak titik yang sukar dikawal, menyumbang kepada kira-kira 70 peratus pencemaran sungai.

Ini menyebabkan gangguan perkhidmatan air secara tidak berjadual apabila loji rawatan perlu ditutup untuk mengekalkan piawaian kualiti air.

Selain itu, kerugian Air Tidak Berhasil (NRW) menjadi isu besar menyebabkan kerugian ekonomi signifikan setiap tahun. Masalah lain termasuk infrastruktur air sudah usang memerlukan peningkatan serta kadar penggunaan air tinggi, melebihi tahap disyorkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), menambah tekanan kepada sumber air sedia ada.

Perubahan iklim juga menyebabkan pola cuaca tidak menentu dan banjir lebih kerap, menambah lagi tekanan terhadap sumber air dan infrastruktur.

Dengan mempertimbangkan semua cabaran ini, cadangan menubuhkan Perbadanan Air Nasional Berhad (PANB) sebagai syarikat utiliti air berpusat muncul bagi meningkatkan kecekapan, konsistensi dan keberkesanan pengurusan perkhidmatan air.

Cadangan diwujudkan PANB menguruskan perkhidmatan air di seluruh negara dapat memastikan kualiti air dan perkhidmatan seragam di seluruh Malaysia.

Model berpusat ini memungkinkan pengurusan kos lebih efisien, termasuk dalam rawatan air, penyelenggaraan dan pembinaan infrastruktur air melalui pembelian pukal dan penggunaan teknologi secara optimum.

Pengurusan perkhidmatan bekalan air secara bersepadu di bawah PANB dilihat membolehkan pemindahan air antara negeri dilakukan dengan berkesan. Ini sangat penting dalam situasi ada neg-

Keputusan lebih pantas, responsif

Dalam model baharu ini, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) akan memainkan peranan sangat penting.

PAAB akan terus bertanggungjawab terhadap pembiayaan, pemilikan dan pengurusan aset infrastruktur air, manakala SPAN terus berfungsi sebagai badan kawal selia memastikan kepatuhan kepada standard dan peraturan mengikut Akta 655 dan perlindungan pengguna.

PANB jika diwujudkan, akan bekerjasama rapat dengan PAAB dan SPAN untuk memastikan semua infrastruktur dipelihara dengan baik serta perkhidmatan air dikendalikan mengikut standard dan peraturan ditetapkan.

Di samping itu, Perjanjian Perkhidmatan Lesen (SLA) dengan operator air negeri akan memastikan

negeri mungkin berat hati melepaskan hak milik ke atas operator air masing-masing dan terdapat juga operator berprestasi tinggi mungkin menentang perubahan ini kerana bimbang kehilangan pendapatan dan autonomi.

Oleh itu, penting bagi PETRA menjalankan perbincangan komprehensif dengan semua pihak berkepentingan untuk memastikan pelaksanaan lancar dan penerimaan meluas.

Jika PANB diwujudkan, Malaysia dilihat boleh bergerak ke arah masa depan lebih lestari dan adil dalam pengurusan perkhidmatan air selaras dengan matlamat pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

Namun begitu, pelaksanaan ini memerlukan kajian teliti dan sokongan menyeluruh serta strategi betul supaya boleh membawa kepada industri perkhidmatan air lebih cekap, mampan dan berkesan untuk rakyat.



2.	TAJUK	CAKNA KEPENTINGAN TENAGA SOLAR : PACU USAHA KURANG JEJAK KARBON
	SUMBER	HARIAN METRO (9 SEPTEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	14 (MINDA)

CAKNA KEPENTINGAN TENAGA SOLAR

Pacu usaha kurang jejak karbon



Bersama
**Norsazliyana
Mohamad
Ismail**



TENAGA suria mampu memenuhi keperluan tenaga kita.



Peningkatan penggunaan panel solar dapat membantu proses pemantulan cahaya matahari dan menghasilkan elektrik di mana dapat mengurangkan suhu di kawasan bandar

Malaysia semanginya sangat sesuai bagi pengamalan sumber tenaga alternatif iaitu solar. Malah, struktur kedudukan Malaysia terletak berhampiran dengan garisan khatulistiwa mempengaruhi suhu yang sekata sepanjang tahun.

Secara semula jadi, Malaysia turut menerima tenaga suria yang banyak serta sinaran matahari yang mencukupi bagi janaan tenaga melalui solar.

Hukum keabadian tenaga menyatakan bahawa tenaga suria antara sumber tenaga boleh diperbaharui yang dapat mengurangkan jejak karbon. Tenaga ini dikategorikan sebagai tenaga yang tidak boleh dicipta atau dimusnahkan, akan tetapi boleh berubah bentuk tenaga kepada bentuk tenaga yang lain.

Justeru, penggunaan pemasangan panel solar semakin mendapat perhatian untuk tenaga elektrik lebih efisien. Jabatan Meteorologi Malaysia mengumumkan secara purata, Malaysia menerima enam jam sinaran matahari dalam masa sehari dan purata suhu harian di seluruh Malaysia di antara 22°C hingga 32°C. Adalah satu kerugian jika tenaga yang kaya ini tidak digunakan secara menyeluruh kerana tenaga solar bersih, boleh diperbaharui dan membantu

semasa penjaanaan tenaga berlaku. Menurut konsep fizik, pengurangan pelepasan karbon dioksida mengurangkan kesan rumah hijau yang seterusnya menstabilkan suhu global dan memperlahankan perubahan iklim.

Pemasangan panel solar di atas bumbung bangunan membantu setiap organisasi dan masyarakat terhadap pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Penggunaan tenaga solar menyokong keperluan dalam akta ini, yang menguat kuasakan seluruh masyarakat di Malaysia untuk melindungi alam sekitar daripada pencemaran termasuk pengurangan kesan pulau haba bandar (*urban heat island effect*).

Fenomena ini menyebabkan kawasan bandar lebih panas daripada pedalaman kerana aktiviti manusia dan struktur binaan menyerap dan memerangkap haba. Penggunaan panel solar membantu proses pemantulan

cahaya matahari dan menghasilkan elektrik di mana dapat mengurangkan suhu di kawasan bandar.

Antara kelebihan penggunaan panel solar menjadikan industri berdaya maju dan memenuhi keperluan aliran industri global untuk penjaanaan tenaga mampan. Antara faktornya sumber tenaga suria tidak terhad dan boleh diperbaharui. Kos operasi pemasangan panel tenaga solar tidak dinafikan tinggi namun impak kos penyelenggaraan panel solar lebih rendah berbanding loji kuasa tradisional.

Untuk jangka masa panjang, pengguna dapat jimatkan kos elektrik. Selain itu, sumber tenaga import dapat dikurangkan serta kemandirian tenaga di Malaysia ditingkatkan. Ia sejajar gesaan kerajaan terhadap pengamalan tenaga solar yang membantu setiap organisasi mencapai serta mempraktikkan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

Dalam majlis pelancaran Konsortium Impak Positif ESG (A-EPIC) pertama di Asia pada 21 Jun 2024 lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan semua pihak berkepentingan termasuk pemilik perniagaan serta semua individu dan masyarakat agar terlibat secara aktif bagi mewujudkan negara mampan, selain bertindak secara kolektif untuk memacu perubahan ke arah praktis ESG.

Penggunaan solar bukan hanya berkaitan mematuhi akta dan aspek ESG semata-mata namun ia kesedaran serta tanggungjawab sosial serta menjadi petunjuk kecemerlangan tadbir urus sesebuah negara.

Susunan Belanjawan 2024 yang dibentangkan pada 12 Oktober 2023, antara inisiatif dinyatakan adalah pelaksanaan program serta insentif menggalakkan peralihan ke arah tenaga bersih dan yang boleh diperbaharui.

Inisiatif bertujuan menggalakkan peningkatan penggunaan solar, sekali gus meningkatkan ekonomi Malaysia yang lebih lestari dan mampan tanpa mengabaikan penjagaan alam sekitar. Secara hemahnya, tenaga suria mampu memenuhi keperluan tenaga kita serta mengurangkan impak negatif terhadap iklim bumi dan mengurangkan jejak karbon.

Penulis Pensyarah Melaka International College of Science and Technology (MICost)

mengurangkan jejak karbon serta menghalang pencemaran alam sekitar.

Menurut Ali O M Maka, Jamal M Alabid (2022) di dalam jurnal *Solar Energy Technology and Its Roles in Sustainable Development, Clean Energy*, pengurangan jejak karbon mampu menangani isu perubahan jejak karbon. Jejak karbon didefinisikan kepada jumlah keseluruhan gas rumah hijau termasuk karbon dioksida yang terhasil daripada pelbagai aktiviti manusia seperti pengangkutan, perindustrian, dan pembakaran bahan api fosil.

Pada masa sama, penjaanaan sumber tenaga utama di Malaysia melalui pembakaran fosil manakala pembakaran bahan api fosil pula adalah sumber utama dalam pelepasan karbon dioksida.

Umumnya, penggunaan panel solar dapat menghasilkan elektrik tanpa membakar bahan api fosil dan ini bermakna tiada pelepasan karbon dioksida

3.	TAJUK	PLUS PERKENAL SURAU LESTARI KONSEP ALAM SEMULAJADI DI (R&R) SEREMBAN
	SUMBER	HARIAN METRO (9 SEPTEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	17 (LOKAL)

PLUS PERKENAL SURAU LESTARI KONSEP ALAM SEMULAJADI DI (R&R) SEREMBAN

Guna air hujan dikitar semula

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.mu-zamir@bh.com.my

Seremban

PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menampilkan kelainan apabila mengetengahkan kemudahan surau lestari berkonsepkan alam semula jadi di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Seremban (arah selatan) di sini.

Diinspirasi daripada enam tonggak Madani, Surau PLUS Madani itu dilihat bakal menjadi penanda aras baharu bagi inovasi dan kecemerlangan selain mengekalkan keseimbangan ekologi.

Kemudahan yang dibuka secara rasmi kepada orang ramai mulai semalam itu turut menampilkan reka bentuk moden, lestari, mesra pengguna dan ciri reka bentuk khas bagi orang kurang upaya.

PLUS dalam hebahannya mengenai kemudahan itu berhasrat menjadikan surau terbabit sebagai perintis kepada pembaharuan di 284 kemudahan surau lain sepanjang lebuh raya kendalian syarikat konsesi berkenaan.

Berciri terbuka, Surau PLUS Madani dengan kapasiti 300 jemaah itu turut dilengkapi sistem pengudaraan semulajadi membolehkan pengguna berasa lebih selesa ketika beribadah.



PEMANDANGAN dari udara kawasan Rehat dan Rawat Seremban (arah selatan).



RUANG mengambil wuduk yang selesa.



Kemudahan yang menampilkan rekaan lantai parket bagi mengelak haruman kurang menyenangkan itu dilengkapi tempat duduk kekal bagi jemaah berkeperluan khas.

Bagi menampilkan elemen kelestarian, surau itu menggunakan air hujan dikitar semula sebagai medium jemaah untuk mengambil wuduk selain dilengkapi kemudahan solar bagi menjana elektrik.

Dibina dengan siling tinggi, surau itu memaksimumkan pengudaraan dan pencahayaan semulajadi melalui laman terbuka, mewujudkan persekitaran terang serta mengoptimalkan penggunaan tenaga dan penyelenggaraan.

Terdahulu, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim turut melawat surau itu selepas merasmikan R&R Seremban (arah selatan), semalam.

Mengulas kemudahan itu, Anwar menyifatkan surau terbabit sebagai terbaik berbanding keseluruhan surau di kawasan R&R di negara ini.

"Biasanya surau di R&R (keadaannya kurang memuaskan)...saya tak tahan, dengan baunya, tempat sempit. Namun, Surau PLUS Madani ini adalah surau terbaik yang saya pernah lihat.

"Menggunakan pengudaraan dan air semulajadi, (sistem) solar. Saya ucapkan terima kasih," katanya.

4.	TAJUK	PENCEMARAN BAU DI JOHOR : 47 INDIVIDU DILAPORKAN ALAMI GEJALA
	SUMBER	BH (12 OGOS 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	16 (NASIONAL)

Pencemaran bau di Johor

47 individu dilaporkan alami gejala

Hanya dua masih di wad HSA bagi tujuan pemerhatian

Oleh Mary Victoria Dass
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Seramai 47 individu dikesan mengalami gejala akibat pencemaran bau di sekitar bandar raya ini dalam tempoh dua hari sehingga kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri Johor, Ling Tian Soon, berkata Jabatan Kesihatan Johor melaporkan daripada jumlah itu, 10 individu menerima rawatan di klinik awam dan swasta.

Beliau berkata, tiga individu dirujuk ke Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan Hospital Sultan Ismail (HSI) bagi mendapatkan rawatan susulan.

watan susulan.

Mengikut rekod, katanya, sebelum tempoh itu seorang mangsa pencemaran dimasukkan ke hospital dan masih mendapatkan rawatan.

"Dua individu, termasuk seorang murid Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Melati dan seorang wanita mengandung sudah dibenarkan pulang.

"Dua individu masih berada di wad di HSA bagi pemerhatian," katanya dalam kenyataan semalam.

Sesi persekolahan terjejas

Beberapa kawasan perumahan di Johor Bahru diancam pencemaran bau sejak 3 September lalu, termasuk penduduk di Taman Daya, Taman Istimewa, Taman Mount Austin, Kampung Melayu Pandan mengadu terhidu bau busuk pada awal pagi.

Pada Isnin lalu, penduduk di kawasan Kampung Maju Jaya mendakwa diancam bau busuk sejak awal pagi, selain mengakibatkan



Pemantauan dijalankan di Sungai Tebrau sebelum kerja pembersihan dimulakan.

(Foto lisan EXCO)

21 murid Sekolah Kebangsaan Kampung Maju Jaya mengalami gejala pernafasan.

Media turut melaporkan seramai 38 mangsa pencemaran bahan kimia di Kampung Orang Asli Pasir Intan di Kota Tinggi di sini dipindahkan ke Balai Raya Kampung Orang Asli Kampung Sayong Pinang sejak 5 September lalu.

Sementara itu, tiga sekolah di Kampung Maju Jaya, Johor Bahru masih ditutup semalam, dua hari berturut-turut demi keselamatan warga sekolah berkenaan akibat pencemaran bau sejak Isnin lalu.

Ketua Kampung Maju Jaya, Roslan Hassan, berkata ibu bapa dinasihatkan supaya mendapatkan maklumat terkini berkaitan pembukaan semula sekolah daripada pentadbiran sekolah.



Tian Soon meninjau kawasan dicemari sisa kimia di Sungai Tebrau.

5.	TAJUK	KERJA BERSIH, LUPUS SISA KIMIA AMBIL MASA 7 HARI
	SUMBER	BH (12 OGOS 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	16 (NASIONAL)

Kerja bersih, lupus sisa kimia ambil masa 7 hari

Johor Bahru: Pembersihan dan pelupusan sisa bahan kimia yang ditemui di Taman Perindustrian Tjong Nam dan Taman Perindustrian Tropika dijangka mengambil masa tujuh hari.

Susulan itu, dalam tempoh berkenaan, orang ramai dinasihat tidak berada di kawasan terabit bagi mengelak kejadian tidak diingini dan mereka yang mengalami gejala kesihatan akibat terhidu bahan kimia itu perlu mendapatkan rawatan segera.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Ling Tian Soon, berkata kerja pembersihan itu dijangka siap sepenuhnya pada 22 September ini.

Beliau berkata, proses lawatan ke tapak sudah dilaksanakan kelmarin dan kontraktor akan mengemuka kaedah pembersihan

kepada jawatankuasa bencana.

Katanya, mesyuarat jawatankuasa pengurusan bencana daerah Johor Bahru yang bersidang pada Isnin lalu melantik kontraktor bagi melaksanakan kerja pembersihan sisa bahan terjadual itu seperti terma rujukan yang ditetapkan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"Orang awam dinasihat tidak panik ketika tempoh kerja pembersihan dan pelupusan sisa bahan terjadual dilaksanakan di kawasan itu, sebaliknya mereka diminta mematuhi langkah pencegahan yang disarankan.

"Antara lain, orang awam dinasihat tidak memasuki dan berada di kawasan kejadian, selain perlu segera mendapatkan rawatan jika mengalami gejala seperti sesak nafas, sa-

kit dada, loya, muntah dan pening kepala selepas terhidu bau disyaki akibat pembuangan sisa kimia.

"Mereka juga diminta tidak melakukan sebarang kegiatan berdekatan kawasan Sungai Tebrau dan Sungai Plentong sehingga arahan seterusnya," katanya.

Tian Soon berkata, kumpulan berisiko khususnya ibu hamil, pesakit kronik, kanak-kanak dan warga emas dinasihat mengelak melakukan aktiviti di luar rumah pada tempoh pembersihan bahan kimia itu bagi mengelak berlaku kejadian tidak diingini.

"Bagi mereka yang mungkin terdedah kepada sisa kimia berkaitan dinasihatkan mandi dan mencuci pakaian secara berasingan bagi mengelak pendedahan menerusi kulit," katanya.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
 Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
 Jabatan Alam Sekitar
 Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
 43600 UKM Bangi, Selangor